

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS

TARIKH : 9 MEI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 69

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan untuk menangani jenayah di stesen pengangkutan awam dan apakah inisiatif yang telah dilakukan untuk menjamin keselamatan pengguna perkhidmatan awam.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan supaya system pengangkutan awam adalah selamat bagi semua golongan termasuk orang kurang upaya dan warga emas. Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah membuat beberapa inisiatif bagi pengangkutan awam antaranya adalah:

1.1 Pengangkutan Rel

- i) Pemantauan berterusan pada stesen, platform dan operasi keretaapi melalui rakaman CCTV di semua pusat kawalan dan memperkemas fungsi serta peranan *Security Control Centre* dalam mengesan dan mencegah jenayah;
- ii) Anggota polis dikehendaki berada di stesen utama (bilangan penumpang yang ramai) bagi memantau keselamatan;
- iii) Anggota polis bantuan dikehendaki membuat tugas di sekitar luar stesen-stesen;
- iv) Pengguna kereta api boleh memohon khidmat pengiring anggota polis bantuan sekiranya diperlukan seperti mengiring pengguna ke kenderaan yang diparkir jauh dan/atau kawasan yang gelap;

NO. SOALAN: 69

- v) Memaklumkan operator berkenaan tanggungjawab polis bantuan yang berada di stesen dan pelaporan bagi kes-kes jenayah dan tangkapan ke Balai Polis terdekat;
- vi) Kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia bagi memberi fokus kepada aktiviti pencegahan jenayah;
- vii) Memastikan stesen kereta api dalam keadaan yang baik dan selamat serta pencahayaan yang terang;
- viii) Pemeriksaan berkala dan mengejut ke stesen-stesen kereta api bandar dan antara Bandar sepanjang tahun 2019; dan
- ix) Melaksanakan audit terhadap fasiliti keselamatan termasuk pagar, lif serta fasiliti yang terdedah kepada aktiviti jenayah.

1.2 Pengangkutan Kenderaan Awam

- i) Perkhidmatan *e-hailing* yang menggunakan teksi, keretasewa, teksi mewah perlu mempunyai fungsi kecemasan yang bersambung terus kepada nombor panggilan kecemasan 999 dan memaklumkan system kecemasan pemegang lesen LPP serta nombor yang dipilih oleh pemandu dan penumpang (seperti ahli keluarga); dan
- ii) Bagi perkhidmatan bas, pengendali perlu mengikut laluan dan rangkaian yang telah ditetapkan supaya

NO. SOALAN: 69

perkhidmatan mengikut laluan secara konsisten. Setiap bas akan dipantau menggunakan teknologi system pemantauan atas talian pada setiap masa. Tindakan tegas dan kaedah penalti akan membantu pihak berkuasa untuk memastikan pengendali perkhidmatan bas tersebut menyediakan perkhidmatan mengikut keperluan tahap perkhidmatan (KTP).

Sekian, terima kasih.